

KERTAS KONSEP
PERTANDINGAN PIDATO PIALA DIRAJA SEKOLAH RENDAH
PERINGKAT DAERAH PENDANG
SEMPENA PERAYAAN BULAN KEMERDEKAAN NEGARA

1. Peserta

- 1.1 Pertandingan ini dibuka kepada murid-murid tahap 2 sekolah rendah bantuan kerajaan.
- 1.2 Pertandingan peringkat sekolah rendah adalah dalam
 - b. Kategori B : Pelajar-pelajar Tahap 2 sekolah rendah.

2. Strategi

Pertandingan ini akan dijalankan pada beberapa peringkat :-

2.1 Peringkat Daerah

- 2.1.1 Semua Pejabat Pendidikan Daerah / Bahagian diminta mengendalikan pertandingan di peringkat ini.
- 2.1.2 Dua orang peserta terbaik hendaklah dipilih mewakili Daerah/Bahagian ke pertandingan di peringkat negeri.

2.2 Peringkat Negeri

- 2.2.1 Pertandingan di peringkat ini hendaklah dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.
- 2.2.2 Satu Jawatankuasa pertandingan peringkat negeri perlu diwujudkan.
- 2.2.3 Jawatankuasa pertandingan negeri hendaklah menetapkan tarikh dan tempat pertandingan dan seterusnya memaklumpkannya kepada urus setia di peringkat pusat.

2.3 Peringkat Kebangsaan

- 2.3.1 Pertandingan di peringkat ini akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pidato Piala Diraja Peringkat Kebangsaan.

- 2.3.2 Dua orang peserta dari setiap negeri (seorang pelajar sekolah menengah dan seorang pelajar sekolah rendah) akan mewakili negeri untuk pertandingan di peringkat kebangsaan).
- 2.3.3 Setiap peserta hendaklah diiringi oleh seorang pegawai atau guru pengiring.
- 2.3.4 Tuntutan perjalanan akan dibayar melalui Jabatan Pelajaran Negeri
- 2.3.5 Pihak penganjur akan menyediakan makan dan tempat penginapan bagi 2 orang peserta dan 2 orang pegawai/guru pengiring sahaja bagi setiap negeri. Makan dan penginapan bagi individu-individu lain, termasuk pemandu, ibu bapa atau pelajar-pelajar pengiring adalah tanggungjawab mereka sendiri atau Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing.

3. Format Pertandingan

Pertandingan dijalankan dalam dua bahagian. Setiap peserta akan bertanding dalam kedua-dua bahagian tersebut.

3.1 Bahagian Pertama

Pemidato akan menyampaikan pidato masing-masing dengan tajuk yang telah disediakan terlebih dahulu.

3.2 Bahagian Kedua

Pemidato akan menyampaikan pidato masing-masing secara spontan atas tajuk bebas yang akan dikemukakan oleh pengerusi pertandingan. Pertandingan pidato secara spontan ini dijalankan selepas sahaja selesai pertandingan pidato bahagian pertama setiap kategori.

3.3 Syarat-syarat Berpidato

- 3.3.1 Pemidato Kategori B pula diberi masa 5 minit untuk pidato Bahagian Pertama, dan 3 minit untuk pidato Bahagian Kedua.
- 3.3.2 Loceng akan dibunyikan sekali, satu minit sebelum tamat, dan dua kali bila tamat.

- 3.3.3 Sebarang penyampaian selepas loceng penamat dibunyikan tidak dipertimbangkan untuk pemberian markah.
- 3.3.4 Pemidato yang membaca nota atau teks semasa berpidato akan dipotong markah persembahan.
- 3.3.5 Kritikan terhadap isu-isu yang sensitif berkaitan dengan agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang.
- 3.3.6 Penggunaan bahasa atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang.
- 3.3.7 Pengerusi Pidato berhak menegur pemidato-pemidato yang melanggar peraturan-peraturan di atas.

3.4 Pemilihan Tajuk

3.4.1 Peringkat Daerah dan Peringkat Negeri

Tajuk-tajuk pidato Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua bagi pertandingan di peringkat daerah/bahagian dan negeri hendaklah ditentukan oleh jawatankuasa di peringkat masing-masing. Tajuk-tajuk untuk Bahagian Kedua (Pidato secara spontan) hendaklah berdasarkan ISU PATRIOTIK/KEMERDEKAAN NEGARA dan isu-isu semasa yang tersiar dalam media massa bersesuaian dengan kategori masing-masing.

3.4.2 Peringkat Praakhir dan Peringkat Akhir Kebangsaan

- a. Tajuk-tajuk untuk Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua peringkat praakhir dan peringkat akhir akan disediakan oleh jawatankuasa pusat.
- b. Tajuk-tajuk untuk Bahagian Pertama akan dihantar kepada peserta-peserta sebaik-baik sahaja keputusan peringkat negeri dihantar kepada Urus Setia Pertandingan Pidato Peringkat Kebangsaan.
- c. Peserta-peserta untuk peringkat praakhir diminta menyediakan teks bagi semua tajuk kerana undian tajuk akan dilakukan selepas taklimat untuk pertandingan praakhir.

3.5 Peraturan Pemarkahan

3.5.1 Pembahagian Markah Pidato Bahagian Pertama

i) **Isi (30 markah)**

Pemidato akan diadili dari segi pengutaraan **3 isi** yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraiannya.

Panduan Pemarkahan

4 markah bagi satu isi

2 markah bagi huraian isi

3 markah bagi contoh dan data-data yang diberi. Jumlah markah bagi satu-satu isi yang pukal ialah 7 markah.

Isi yang diperakukan ialah sebanyak 4 isi.

3 markah bonus boleh diberi bagi kematangan isi.

ii) **Bahasa (20 markah)**

Pemidato akan diadili dari segi bahasa yang jelas, baku

(struktur dan sebutan), gaya bahasa yang berkesan, dan tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.

iii) **Persembahan (50 markah)**

Pemidato akan diadili dari segi persembahan yang lancar, kesesuaian nada, meyakinkan, menunjukkan gaya yang menarik dan persembahan susunan isi yang tertib. Pemidato akan dipotong 5 markah maksimum jika isi pidatonya mengandungi kritikan terhadap isu-isu sensitif seperti politik, agama, bangsa, kebudayaan dan peribadi, serta menunjukkan perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan.

3.5.2 Pembahagian Markah Pidato Bahagian Kedua

i) **Isi (40 markah)**

Pemidato diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas dan logik termasuk penghuraiannya.

Panduan Pemarkahan

10 markah bagi satu isi

5 markah bagi huraian isi

5 markah bagi contoh dan data-data yang diberi

Isi yang diperakukan ialah sebanyak 2 isi

ii) **Bahasa (30 markah)**

Pemidato akan diadili dari segi bahasa yang jelas, baku (struktur dan sebutan), gaya bahasa yang berkesan, dan tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.

iii) **Persembahan (30 markah)**

Pemidato diadili dari segi persembahan yang lancar, kesesuaian nada, meyakinkan dan menunjukkan gaya yang menarik. 5 markah maksimum akan dipotong jika isi pidato mengandungi kritikan terhadap isu-isu sensitif seperti politik, agama, bangsa, kebudayaan dan peribadi, serta menunjukkan perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan.

3.6 Panduan Kepada Jemaah Hakim

- 3.6.1 Pemidato-pemidato diadili dari segi cara penyampaian, pengutaraan isi-isi yang bernas, data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraiannya; persembahan yang lancar, kesesuaian nada serta persembahan yang meyakinkan; penguasaan dan penggunaan bahasa yang jelas; dan gaya bahasa yang sesuai serta kesopanan dan perawakan, bukan dari segi untuk mendapat sokongan penonton-penonton melalui tepuk sorak.
- 3.6.2 Pemidato-pemidato yang membaca nota atau teks mereka semasa berpidato akan dipotong markah persembahan.
- 3.6.3 Markah juga diporong bagi pemidato-pemidato yang menggunakan bahasa atau tutur kata yang kurang sopan.
- 3.6.4 Kritikan terhadap politik, komen-komen ke atas isu-isu yang sensitif yang berkaitan dengan agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah

dilarang. Pemidato-pemidato yang melanggar peraturan ini akan dipotong 5 markah maksimum daripada markah persembahan.

4. Tarikh Pertandingan

4.1	Peringkat Daerah	:	Mei 2007
4.2	Peringkat Negeri	:	Julai 2007
4.3	Peringkat Praakhir Kebangsaan	:	14 Ogos 2005 (Selasa)
	Tempat	:	Hotel Empress Sepang
4.4	Peringkat Akhir Kebangsaan	:	17 Ogos 2007 (Jumaat)
	Tempat	:	Auditorium Parcel D, Putrajaya,

PUTRAJAYA.

5. Hadiah

5.1 Peringkat Kebangsaan

5.1.1 Hadiah bagi pertandingan di Peringkat Kebangsaan ialah :-

	Kumpulan A (Menengah)	Kumpulan B (Rendah)
Hadiah Pertama	RM 1,000.00 Wang Tunai, Piala Pusingan, Replika Hadiah Iringan dan Sijil Penyertaan	RM 800.00 - sama -
600.00 Hadiah Kedua	RM 800.00 Wang Tunai, Hadiah Iringan dan Sijil Penyertaan	RM - sama -
RM 400.00 Hadiah Ketiga	M 600.00 Wang Tunai, Hadiah Iringan dan Sijil Penyertaan	-
sama -		

6. Jawatankuasa Pertandingan Peringkat Kebangsaan

Jawatankuasa Pertandingan Peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada :-

(Seperti Senarai Lampiran)

7. **Segala pertanyaan mengenai pertandingan bolehlah disampaikan kepada :**

Urus Setia
Pertandingan Pidato Piala Diraja
Sempena Perayaan Hari Kebangsaan
Bahagian Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia
Encik Sabri bin Abu Bakar - Tel : 03-8884 9408 /
013-9805257
Tuan Haji Anuar Abd. Hamid - Tel : 03-8884 9343 /
019-3667627

Tel : 03-8884 9343 (Sektor
SPPK)
Fax : 03-8884 9342 (Sektor
SPPK)

**CONTOH TAJUK BAHAGIAN PERTAMA
KATEGORI B**

Bil.	Tajuk
1	Budi Bahasa Amalan Mulia
2	Pendidikan Cemerlang
3	Sayangi Alam Sekitar
4	Akhlak Berkualiti
5	Berbudi Luhur
6	Nilai Masa
7	Orang Berbudi Kita Berbahasa
8	Merokok Membahayakan Kesihatan
9	Jalur Gemilang Kemegahanku
10	Budaya Penyayang

11	Disiplin Asas Kecemerlangan Diri
12	Warga Tua Warga Berharga
13	Masyarakat Sepakat Membawa Berkat
14	Akhlak Mulia Keluarga Bahagia
15	Negara Bersih, Rakyat Sihat

16	Bahasa Jiwa Bangsa
17	Faedah Menabung
18	Berjimat cermat Amalan Mulia
19	Berbudi Luhur
20	Nilai Murni Penyuluh Hidup
21	Sukan Menyihatkan Badan
22	Muafakat Membawa Berkat
23	Akhlak Berkualiti
24	Sayangi Keluarga Membawa Bahagia
25	Pendidikan Cemerlang
26	Ilmu Pelita Hidup
27	Kempen Kitar Semula
28	Kepentingan Menjaga Alam Sekitar
29	Semangat Kejiranan
30	Pengorbanan Terhadap Negara

**CONTOH TAJUK BAHAGIAN KEDUA
KATEGORI B**

RAKYAT BERILMU NEGARA MAJU

**BERSAMA MERAYAKAN BULAN KEMERDEKAAN
NEGARA**

MALAYSIA NEGARA TERBILANG

PENGORBANAN TERHADAP NEGARA

JALUR GEMILANG KEMEGAHANKU

SUKAN MEMARTABATKAN NEGARA

RAKYAT SETIA NEGARA SEJAHTERA

DISIPLIN DIRI MENJAYAKAN WAWASAN

MASYARAKAT SEPAKAT MEMBAWA BERKAT

MALAYSIA DI PUNCAK GEMILANG

PERPADUAN TERAS KEMAJUAN NEGARA

NEGARA MAJU ACUAN MALAYSIA

JALUR GEMILANG KEMEGAHANKU

ERTI KEMERDEKAAN DALAM KALANGAN PELAJAR

IKTIBAR SEJARAH NEGARA

--

PENDIDIKAN MAJU NEGARA MAKMUR

PENDIDIKAN MAJU NEGARA MAKMUR

KESYUKURAN SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA

KESYUKURAN SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA

**BORANG MARKAH
PIDATO PIALA DIRAJA**

--

C

Kategori : Rendah
Bahagian I : 5 minit

Giliran Peserta

Isi (30 markah)	Bilangan isi	Isi (4 markah)	Huraian (2 markah)	Contoh (3 markah)	Jumlah	Jumlah besar
Pemidato akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraiannya. Panduan pemarkahan isi yang diperakukan ialah sebanyak 3 isi. 3 markah bonus (2/30) bagi kematangan isi.	Isi 1					
	Isi 2					
	Isi 3					
	Bonus 3	Markah kematangan isi				
Jumlah keseluruhan markah isi (30 markah)						
Bahasa (20 markah)						
Pemidato akan diadili dari segi bahasa yang jelas, baku (tatabahasa & sebutan), gaya bahasa yang berkesan & tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.	Tatabahasa (10 markah)					
	Gaya bahasa yang berkesan (5 markah)					
	Sebutan bahasa (5 markah)					
	Jumlah markah bahasa (20 markah)					
Penyampaian/Persembahan (50 markah)						

Penyampaian & persembahan (40 markah) Pemidato akan diadili dari segi persembahan yang lancar, kesesuaian nada, menyakinkan, menunjukkan gaya yang menarik & persembahan susunan isi yang tertib. Adab (5markah) Pemidato akan dipotong 5 markah maksimum jika isi pidatonya mengandungi kritikan terhadap isu-isu sensitif seperti politik, agama, bangsa, kebudayaan & peribadi serta menunjukkan perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan. Istimewa (5 markah) Pemidato akan diadili dari keseluruhan persembahan, kesopanan dan perawakan yang ditunjukkan.	Kepetahan, kelancaran nada, intonasi suara menyakinkan (10 markah)		
	Gaya yang menarik (10 markah)		
	Isi yang tertib (10 markah)		
	Penyampaian isi yang tersusun atau teratur (10 markah)		
	Adab (5 markah)		
	Istimewa (5 markah)		
	Jumlah markah persembahan/penyampaian (50 markah)		
Jumlah markah keseluruhan : 100 %			

Nama hakim :Tandatangan :
.....

Pengesahan oleh Ketua Hakim :

BORANG MARKAH PIDATO PIALA DIRAJA

D

Kategori : Rendah

Giliran peserta

Bahagian II : 3 minit

Isi (40 markah)	Bilangan isi	Isi (10 markah)	Huraian (5 markah)	Contoh (5markah)	Jumlah	Jumlah besar
Pemidato akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraiannya. Panduan pemarkahan isi yang diperakukan ialah sebanyak 2isi.	Isi 1					
	Isi 2					
	Jumlah keseluruhan markah isi (40 markah)					
Bahasa (30 markah)						
Pemidato akan diadili dari segi bahasa yang jelas, baku (atabahasa & sebutan), gaya bahasa yang berkesan & tepat dengan maksud hendak disampaikan.	Tatabahasa (10 markah)					
	Gaya bahasa yang berkesan (10 markah)					
	Sebutan bahasa (10 markah)					
	Jumlah markah bahasa (30 markah)					

Penyampaian/Persembahan (30 markah)			
<p><u>Penyampaian & persembahan (20 markah)</u> Pemidato akan diadili dari segi persembahan yang lancar, kesesuaian nada, menyakinkan, menunjukkan gaya yang menarik & persembahan susunan isi yang tertib.</p> <p><u>Adab (5markah)</u> Pemidato akan dipotong 5 markah maksimum jika isi pidatonya mengandungi kritikan terhadap isu-isu sensitif seperti politik, agama, bangsa, kebudayaan & peribadi serta menunjukkan perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan.</p> <p><u>Istimewa (5 markah)</u> Pemidato akan diadili dari keseluruhan persembahan, kesopanan dan perawakan yang ditunjukkan.</p>	Kepetahan, kelancaran nada, intonasi suara menyakinkan (5 markah)		
	Gaya yang menarik (5 markah)		
	Isi yang tertib (5 markah)		
	Penyampaian isi yang tersusun atau teratur (5 markah)		
	Adab (5 markah)		
	Istimewa (5 markah)		
	Jumlah markah persembahan/penyampaian (30 markah)		
Jumlah markah keseluruhan : 100 %			

Nama hakim : Tandatangan :
.....

Pengesahan oleh Ketua Hakim :